

**Perdana Menteri Dahului Acara Angkat Sumpah Anggota Dewan Rakyat
Bernama
24 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mendahului upacara angkat sumpah jawatan sebagai anggota Dewan Rakyat pada majlis yang turut menyaksikan Tan Sri Pandikar Amin Mulia dipilih semula sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Turut berbuat demikian ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, diikuti 131 anggota Parlimen mewakili Barisan Nasional (BN).

Terdahulu, Pandikar Amin dimahsyurkan sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk kali kedua sebaik Penggal Pertama Parlimen ke-13 bersidang buat kali pertama hari ini.

Pandikar Amin, dari Kota Belud, Sabah, dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat buat pertama kali pada mesyuarat pertama, Penggal Pertama Parlimen ke-12 pada April 2008.

Beliau sebelum itu merupakan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ini merupakan mesyuarat pertama Dewan Rakyat selepas Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958224>